

# GARIS PANDUAN PENGURUSAN PENILAIAN ALTERNATIF (G3PAlt)



UNIT PEPERIKSAAN  
POLITEKNIK MERLIMAU

# **GARIS PANDUAN PENGURUSAN PENILAIAN ALTERNATIF (G3PAIt)**

**UNIT PEPERIKSAAN**

---

Politeknik Merlimau  
KB1031,Pejabat Pos Merlimau  
77300,Merlimau,Melaka

**Disediakan oleh:**

Rosita Binti Zainal	Timbalan Pengarah (Akademik) Politeknik Merlimau
Zaidah binti Abd Umar	Ketua Unit Peperiksaan Politeknik Merlimau
Norarsaliana binti Arbain	Pegawai Peperiksaan Politeknik Merlimau
Dewi Muhiani binti Tumiran	Pegawai Peperiksaan Politeknik Merlimau
Nurul Esly binti Sabiran	Ketua Penyelaras Peperiksaan JP Politeknik Merlimau
Maisarah binti Mansor	Ketua Penyelaras Peperiksaan JPH Politeknik Merlimau
Azah binti Abas	Ketua Penyelaras Peperiksaan JKA Politeknik Merlimau

**GARIS PANDUAN PENGURUSAN PENILAIAN ALTERNATIF (G3PAIt)  
POLITEKNIK MERLIMAU**

© 2021 Unit Peperiksaan , Politeknik Merlimau, Melaka

Hak cipta terpelihara . Tidak ada bahagian dari penerbitan ini yang dapat diterbitkan semula atau disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam bentuk apa pun atau elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman, atau sebaliknya, tanpa kebenaran bertulis dari Pengarah Politeknik Merlimau, Melaka.

Diterbitkan oleh  
Politeknik Merlimau  
KB 1031 Pejabat Pos Merlimau  
Jalan Jasin  
77300 Merlimau  
Melaka, Malaysia

Garis Panduan Pengurusan Penilaian Alternatif (G3PAIt)/ Unit Peperiksaan, Politeknik Merlimau.

ISBN 978-967-2241-67-6

- 1.Educational tests and measurements.
  - 2.College students—Rating of.
  - 3.Grading and marking(Students).
  - 4.Government publications—Malaysia.
- I.Politeknik Merlimau.Unit Peperiksaan.  
378.1662

Dicetak oleh  
Super Save Enterprise,  
No.8 Taman Perkota,  
Jalan Batu Hampar,  
75150 Melaka



## ISI KANDUNGAN

Bil	Kandungan	M/S
	Kata Pengantar	iv
1.0	Tujuan	1
2.0	Mengenai Garis Panduan	1
3.0	Objektif	2
4.0	Perancangan Pelaksanaan Penilaian Alternatif (PAIt)	3
5.0	Penggubalan Soalan Penilaian Alternatif (PAIt)	6
5.1	Penggubalan Soalan	6
5.2	Pemilihan <i>Course Learning Outcomes</i> CLO	9
5.3	Proses Penggubalan	11
6.0	Pelaksanaan Penilaian Alternatif (PAIt)	13
7.0	Pemarkahan Penilaian Alternatif (PAIt)	16
7.1	Kaedah Memasukkan Markah PAIt	16
8.0	Kaedah Penyimpanan Dokumen Penilaian Alternatif (PAIt)	22
8.1	Jenis Dokumen	22
8.2	Kaedah Penyimpanan Dokumen	22
9.0	Penutup	24
	Lampiran 1	25
	Lampiran 2	26
	Lampiran 3	27
	Lampiran 4	28
	Lampiran 5	29
	Lampiran 6	30
	Lampiran 7	31

## Senarai Rajah

Rajah 4.1 : Carta Alir Perancangan Pelaksanaan Penilaian Alternatif (PAIt).....	6
Rajah 5.1 : Carta Alir Proses <i>Vetting</i> .....	9
Rajah 5.2 (a) : Contoh Kursus yang Menguji Satu (1) CLO.....	10
Rajah 5.2 (b) : Contoh Kursus yang Menguji Dua (2) CLO.....	11
Rajah 5.2 (c) : Contoh Kursus yang Menguji Lebih Daripada Dua (2) CLO.....	11
Rajah 5.3 : Carta Alir Proses Penggubalan Soalan Penilaian Alternatif (PAIt).....	13
Rajah 6.1 : Carta Alir Proses Pelaksanaan PAIt.....	16
Rajah 7.1 (a) : Paparan SPMP, iEXAM.....	17
Rajah 7.1 (b) : Paparan iEXAM, Daftar Markah CLO/PLO ikut MQA.....	18
Rajah 7.1 (c) : Paparan iEXAM, Daftar Jenis Penilaian (Final Exam).....	18
Rajah 7.1 (d) : Paparan iEXAM, Daftar Jenis Penilaian Subjective (Struktur).....	19
Rajah 7.1 (e) : Paparan iEXAM, Daftar Jenis Penilaian Essay .....	19
Rajah 7.1 (f) : Paparan iEXAM, Daftar CLO ikut soalan dan penilaian.....	20
Rajah 7.1 (g) : Paparan iEXAM, Daftar CLO.....	20
Rajah 7.1 (h) : Paparan iEXAM, Daftar Markah (Kumpulan).....	21
Rajah 7.1 (i) : Paparan iEXAM, Pamer PA_CLO.....	21
Rajah 7.1 (j) : Paparan iEXAM, Contoh Paparan Markah PA_CLO.....	22
Rajah 7.1(k):Paparan iEXAM, Salin Markah PA ke Rekod Daftar Markah PA dan PB (Modul Baharu).....	22
Rajah 8.1: Carta Alir Proses Penyimpanan Dokumen PAIt.....	24

## KATA PENGANTAR

Penilaian Alternatif (PAIt) adalah suatu bentuk penilaian yang menggantikan peperiksaan akhir / penilaian akhir. Pelajar adalah diwajibkan menduduki PAIt sebagaimana peperiksaan akhir. Kegagalan berbuat demikian akan mengakibatkan pelajar gagal bagi kursus tersebut. Penilaian ini akan dilaksanakan pada minggu peperiksaan mengikut tempoh yang ditetapkan dalam Takwim Aktiviti Pentaksiran Politeknik Malaysia.

Penilaian Alternatif (PAIt) perlu mengambil kira beberapa perkara seperti berikut:

1. Penilaian yang dilaksanakan perlu mengukur pencapaian pelajar berdasarkan hasil pembelajaran kursus (CLO) yang ditetapkan dalam *Final Exam Item Specification Table* (FEIST) yang sedang terkini;
2. Penilaian tersebut mesti memelihara aspek kesahan (*validity*), kebolehpercayaan (*reliability*) dan keadilan (*fairness*) dalam pelaksanaannya;
3. Pelaksanaan PAIt adalah melalui medium yang bersesuaian dengan memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada infrastruktur dan kebolehcapaian pelajar

Garis Panduan Pengurusan Penilaian Alternatif (G3PAIt) ini dibangunkan bagi membantu pensyarah dalam pelaksanaan Penilaian Alternatif dengan lebih berkualiti yang mana ianya merangkumi aspek perancangan pelaksanaan, penggubalan soalan, pelaksanaan, pemarkahan dan kaedah penyimpanan dokumen PAIt.

## 1.0 TUJUAN

Garis Panduan Pengurusan Penilaian Alternatif (G3PAIt) Politeknik Merlimau ini diwujudkan bagi memenuhi keperluan Garis Panduan Pengurusan dan Pelaksanaan Penilaian Alternatif Bagi Peperiksaan Akhir/Penilaian Akhir Berikutan Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat / Diperketatkan / Diperketatkan Secara Pentadbiran (COVID-19) untuk Program Pengajian Diploma, Pra-Diploma dan Sijil Kemahiran Politeknik Malaysia; dan Program Pengajian Diploma, Sijil dan Sijil Asas Kolej Komuniti Malaysia. (Sumber rujukan: JPPKK.BGK.600-1/1/1 Jld.2 (26) bertarikh 12 November 2020)

Garis panduan ini bertujuan untuk memberi penerangan terperinci berkaitan dengan pengurusan, pelaksanaan dan penyimpanan rekod bagi Penilaian Alternatif (PAIt). G3PAIt ini khusus digunakan bagi Politeknik Merlimau (PMM) sahaja.

## 2.0 MENGENAI GARIS PANDUAN

Garis Panduan Pengurusan Penilaian Alternatif (G3PAIt) diwujudkan bagi memastikan proses pelaksanaan Penilaian Alternatif (PAIt) dapat dilaksanakan dengan mematuhi Garis Panduan dan Arahan- Arahan Peperiksaan yang sedang berkuatkuasa.

G3PAIt ini terbahagi kepada LIMA (5) komponen utama iaitu:

1. Perancangan Pelaksanaan PAIt
2. Penggubalan soalan PAIt
3. Pelaksanaan PAIt
4. Pemarkahan PAIt
5. Kaedah Penyimpanan Dokumen PAIt

G3PAIt ini perlu dibaca bersama:

1. Garis Panduan Pengurusan dan Pelaksanaan Penilaian Alternatif Bagi Peperiksaan Akhir / Penilaian Akhir Berikutan Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat / Diperketatkan / Diperketatkan Secara Pentadbiran (COVID-19) untuk:
  - a) Program Pengajian Diploma, Pra-Diploma dan Sijil Kemahiran Politeknik Malaysia; dan

- b) Program Pengajian Diploma, Sijil dan Sijil Asas Kolej Komuniti Malaysia.  
**(Sumber rujukan: JPPKK.BGK.600-1/1/1 Jld.2 (26) bertarikh 12 November 2020)**

- 2. Garis Panduan Pengurusan dan Pelaksanaan Penilaian Alternatif Bagi Peperiksaan Akhir / Penilaian Akhir Berikutan Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat / Diperketatkan / Diperketatkan Secara Pentadbiran (COVID-19) untuk:
  - a) Program Pengajian Sarjana Muda, Diploma, Pra-Diploma dan Sijil Kemahiran Politeknik Malaysia; dan
  - b) Program Pengajian Diploma, Sijil dan Sijil Asas Kolej Komuniti Malaysia.  
**(Sumber rujukan: JPPKK.BPN.600-7/2/1 (28) bertarikh 4 Mei 2021)**
- 3. Garis Panduan Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran Pasca Pandemik COVID-19.
- 4. Garis Panduan Moderasi Skrip Jawapan Politeknik, Pindaan 2013.

### 3.0 OBJEKTIF

Objektif garis panduan ini adalah untuk memastikan:

- 1. Soalan Penilaian Alternatif (PAIt) dapat disediakan bagi semua kursus yang mempunyai Peperiksaan Akhir / Penilaian Akhir mengikut kurikulum yang sedang berkuatkuasa
- 2. Penilaian Alternatif (PAIt) dapat dilaksanakan pada minggu peperiksaan mengikut tempoh yang ditetapkan dalam Takwim Pentaksiran Politeknik Malaysia.
- 3. Keputusan Penilaian Akhir dapat diumumkan pada tarikh keputusan rasmi yang telah ditetapkan dalam Takwim Aktiviti Pentaksiran Politeknik Malaysia.
- 4. Dokumen dapat disimpan, direkod dan dicapai dengan mudah oleh pihak berkepentingan.



#### 4.0 PERANCANGAN PELAKSANAAN PENILAIAN ALTERNATIF (PAIt)


Skop tugas pegawai peperiksaan di dalam memastikan PAIt dapat dijalankan pada tempoh yang telah ditetapkan adalah seperti berikut :

1. Memastikan agihan pemberat Penilaian Kerja Kursus (PKK) : Penilaian Alternatif (PAIt) ditetapkan kepada 80% : 20%.
2. Memproses markah pentaksiran bagi tujuan penggedan.
3. Menyimpan sesalinan Borang Vetting PAIt untuk kegunaan pihak berkepentingan.
4. Memastikan proses pelaksanaan PAIt dirancang dan diurus dengan baik diperingkat jabatan akademik dengan mematuhi Garis Panduan yang berkuatkuasa.

Berikut adalah perancangan aktiviti dan proses pelaksanaan PAIt :

- a) Jadual Waktu Penilaian Alternatif (JWPAIt) perlu disediakan oleh Penyelaras Peperiksaan Jabatan (PPJ) dalam tempoh **SEBULAN** sebelum PAIt bermula.
- b) Deraf JWPAIt perlu disemak oleh Pensyarah Kursus dan pelajar selewat-lewatnya **DUA (2)** minggu sebelum PAIt bermula.
- c) Bengkel Pembangunan Platform PAIt dilaksanakan oleh Unit Peperiksaan dan *e-Learning* PMM dalam tempoh **DUA (2)** minggu sebelum PAIt bermula. Sasaran peserta terdiri daripada Penyelaras Peperiksaan Jabatan dan Pegawai *e-Learning* Jabatan.
- d) **DUA (2) set** soalan dan peraturan pemarkahan PAIt perlu diserahkan ke Unit Peperiksaan melalui platform *One Drive* Unit Peperiksaan PMM.
- e) JWPAIt akan dimuatnaik di laman sesawang PMM selewat-lewatnya **SATU (1)** minggu sebelum PAIt bermula.
- f) Proses memuat naik :
  - i. Borang Akuan Pelajar dan Syarat dan Arahan Am PAIt (Rujuk Lampiran 1 dan Lampiran 2)
  - ii. Soalan PAIt
 Akan dijalankan oleh PPJ **SATU (1)** minggu sebelum PAIt bermula.
- g) PAIt dilaksanakan mengikut JWPAIt yang telah ditetapkan.

- h) Bengkel pemprosesan markah Penilaian Akhir akan dilaksanakan oleh Pegawai Peperiksaan dan PPJ.
- i) Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan PMM akan dilaksanakan mengikut Takwim Aktiviti Pentaksiran Politeknik.
- j) Keputusan rasmi Penilaian Akhir Semester diumumkan mengikut tarikh yang telah ditetapkan di dalam Takwim Aktiviti Pentaksiran Politeknik melalui semakan di SPMP.



Rajah 4.1: Carta Alir Perancangan Pelaksanaan Penilaian Alternatif (PAIt)

## 5.0 PENGUBALAN SOALAN PENILAIAN ALTERNATIF (PAIt)

Penggubal soalan Penilaian Alternatif dan peraturan pemarkahan bermaksud pensyarah kursus yang dilantik oleh Timbalan Pengarah (Akademik) untuk menggubal item dan peraturan pemarkahan berdasarkan Garis Panduan Pengurusan Bank Item dan Peraturan Pemarkahan. Pensyarah kursus perlu menggubal item PAIt yang bersesuaian merujuk kepada dokumen kurikulum kursus masing-masing dalam tempoh masa yang ditetapkan.

### 5.1 Penggubalan Soalan


- i. Soalan Penilaian Alternatif (PAIt) mestilah mematuhi ciri-ciri berikut :
  1. Format soalan adalah berbentuk Struktur atau Esei.
  2. Item PAIt hanya mengukur DUA (2) CLO yang ditetapkan dalam *Final Exam Item Specification Table* (FEIST).
  3. Bilangan soalan yang disediakan adalah DUA (2) soalan sahaja (merujuk agihan dalam FEIST).
  4. Format pemarkahan adalah seperti berikut:
    - a) Soalan 1 (25 markah)
    - b) Soalan 2 (25 markah)

**(Sumber rujukan: Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kecemerlangan Akademik Bil. 6/2020)**

- ii. Pensyarah Kursus hendaklah menggubal sekurang-kurangnya **dua (2) set soalan** PAIt bagi tujuan PAIt Khas sekiranya terdapat pelajar yang tidak dapat hadir semasa PAIt dilaksanakan mengikut JWPAIt sebenar. Jabatan Akademik perlu memastikan semua penilaian yang dilaksanakan direkod dan disimpan bagi tujuan audit dan akreditasi.
- iii. Penggubalan item PAIt perlu memelihara aspek kesahan (validity), kebolehpercayaan (reliability) dan keadilan (fairness) dalam pelaksanaannya. Oleh itu, setiap item PAIt yang digubal perlu melalui proses vetting di peringkat jabatan masing-masing dengan mengisi **Borang Vetting Penilaian Alternatif (LAMPIRAN 3)**.

iv. Ketua Jabatan perlu mencadangkan pensyarah kursus yang berpengalaman dalam kursus tertentu sebagai pensyarah *vetting* untuk melaksanakan semakan. Proses pelaksanaan *vetting* adalah seperti carta alir pada Rajah 5.1.

v. Setiap item PAIt yang digubal hendaklah menggunakan *template* muka hadapan item PAIt dan *template* muka hadapan peraturan pemarkahan seperti di **LAMPIRAN 4** dan **LAMPIRAN 5** yang telah ditetapkan oleh Unit Peperiksaan (UPEP). Salinan Item PAIt dan Peraturan Pemarkahan serta Borang *Vetting* hendaklah diserahkan ke UPEP sebelum PAIt dilaksanakan.



Rajah 5.1 : Carta Alir Proses Vetting



		CONTOH KURSUS YANG MENGUJI DUA (2) CLO											
NAMA PERIKSAAN	POKOK HURUF, SIKLUS, FASE												
MATA KULIAH	ASAS TEKNIK, TEKNIK ASAS												
SUBJEK PROGRAM	DISIPLIN KEJURUTERAAN ASAS												
NAMA KURSUS	TEKNIK FIZIKAL DAN MATEMATIKA												
SEMESTER	SEMESTER 2												
NO. HURUF KURSUS	000001 / 000002 AND 000003												
NAMA INSTRUKTOR	DR. HENDRIK S. P. A.												
TEMPORAL PERIODE	1 SEMESTER												
FORMAT PENYAJIAN	1 KULIAH / 100 MENIT												
BAHASA	INDONESIA												
LOKASI	DI DALAM / DI LUAR KAMPUS												

TAKSONOMI	C1	C4	C6
1	40-45	55-60	30-35
2	30-40	40-50	20-30
3	20-30	30-40	20-30

COURSE LEARNING OUTCOME (CLO)	TOPIK / SKU								BANK SOAL	SOALNYA TINGKANNYA								JUMLAH SOAL	JUMLAH BUKTI			
	T1		T2		T3		T4			C1		C2		C3		C4						
	1	2	3	4	5	6	7	8		1	2	3	4	5	6	7	8					
CLO1	✓									A1(1)	1							1	10			
										A2(1)	1	A3(1)	1	A4(1)	1			3				
CLO2												B1(1)	1	B2(1)	1	B3(1)	1	3	20			
												B4(1)	1	B5(1)	1	B6(1)	1	3				
												B7(1)	1	B8(1)	1	B9(1)	1	3				
												B10(1)	1	B11(1)	1	B12(1)	1	3				
JUMLAH SOAL										10		10		10		10		10		10	100	
TAKSONOMI SOALNYA										7%		27%		40%		27%		0%		0%		100%

Rajah 5.2 (b) : Contoh Kursus yang Menguji Dua (2) CLO

		CONTOH KURSUS YANG MENGUJI LEBIH DARIPADA DUA (2) CLO											
NAMA PERIKSAAN	POKOK HURUF, SIKLUS, FASE												
MATA KULIAH	ASAS TEKNIK, TEKNIK ASAS												
SUBJEK PROGRAM	DISIPLIN KEJURUTERAAN ASAS												
NAMA KURSUS	TEKNIK FIZIKAL DAN MATEMATIKA												
SEMESTER	SEMESTER 2												
NO. HURUF KURSUS	000001 / 000002 AND 000003												
NAMA INSTRUKTOR	DR. HENDRIK S. P. A.												
TEMPORAL PERIODE	1 SEMESTER												
FORMAT PENYAJIAN	1 KULIAH / 100 MENIT												
BAHASA	INDONESIA												
LOKASI	DI DALAM / DI LUAR KAMPUS												

TAKSONOMI	C1	C2	C3	C4
1	40-45	55-60	30-35	20-25
2	30-40	40-50	20-30	20-30
3	20-30	30-40	20-30	20-30


COURSE LEARNING OUTCOME (CLO)	TOPIK / SKU								BANK SOAL	SOALNYA TINGKANNYA								JUMLAH SOAL	JUMLAH BUKTI	
	T1		T2		T3		T4			C1		C2		C3		C4				
	1	2	3	4	5	6	7	8		1	2	3	4	5	6	7	8			
CLO1	✓									A1(1)	1							1	20	
												B1(1)	1	B2(1)	1	B3(1)	1	3		
												B4(1)	1	B5(1)	1	B6(1)	1	3		
												B7(1)	1	B8(1)	1	B9(1)	1	3		
												B10(1)	1	B11(1)	1	B12(1)	1	3		
CLO2																		0	10	
																		0		
JUMLAH SOAL										10		10		10		10		10		100
TAKSONOMI SOALNYA										10%		20%		40%		30%		0%		100%

Rajah 5.2 (c) : Contoh Kursus yang Menguji Lebih Daripada Dua (2) CLO



### 5.3 PROSES PENGUBALAN

- i. Pengubalan soalan PAIt melibatkan pensyarah kursus yang dilantik, *Subject Matter Expert (SME)* dan penyemak bahasa.
- ii. Proses pengubalan soalan PAIt perlu mengikut FEIST dan dilaksanakan mengikut tempoh masa yang ditetapkan.
- iii. Deraf soalan PAIt perlulah disemak oleh SME dan penyemak bahasa yang telah dilantik.
- iv. Deraf soalan PAIt dan peraturan pemarkahan perlulah disahkan oleh Ketua Jabatan / Ketua Program.
- v. Pengubal perlu memuat naik soalan PAIt ke dalam platform yang disediakan oleh Penyelaras Peperiksaan Jabatan.
- vi. Penyelaras Peperiksaan Jabatan perlu menyerahkan soalan PAIt dan Borang *Vetting* yang telah lengkap kepada Pegawai Peperiksaan untuk simpanan dan rekod.



Rajah 5.3 : Carta Alir Proses Penggubalan Soalan Penilaian Alternatif (PAIt)

## 6.0 PELAKSANAAN PENILAIAN ALTERNATIF (PAIt)

Pelaksanaan Penilaian Alternatif (PAIt) dapat dibahagikan kepada TIGA (3) fasa iaitu sebelum, samara dan selepas PAIt. Rajah 6.0 menunjukkan carta alir proses pelaksanaan PAIt.

### 1. Sebelum PAIt

- a) Deraf JWPAIt disemak oleh Pensyarah Kursus dan pelajar selewat-lewatnya DUA (2) minggu sebelum PAIt bermula.
- b) JWPAIt akan dimuatnaik di laman sesawang PMM selewat-lewatnya SATU minggu sebelum PAIt bermula.
- c) Taklimat PAIt perlu disampaikan kepada Pensyarah Kursus melalui Penyelaras Peperiksaan Jabatan (PPJ) selewat-lewatnya DUA (2) minggu sebelum PAIt bermula.
- d) Taklimat PAIt perlu disampaikan kepada pelajar oleh Penasihat Akademik (PA) selewat-lewatnya SATU (1) minggu sebelum PAIt bermula.
- e) PPJ memasukkan soalan PAIt, syarat dan Arahan-arahan Am PAIt dan Borang Akuan Pelajar ke dalam platform CIDOS LMS 3.5.

### 2. Semasa PAIt

Pelajar diberi masa selama **DUA (2)** jam untuk melaksanakan aktiviti berikut:

- a) Pelajar memuat naik Borang Akuan Pelajar sebagai bukti rekod kehadiran PAIt.
- b) Pelajar dikehendaki membaca syarat dan dan Arahan-arahan Am PAIt.
- c) Pelajar memuat turun soalan PAIt, membaca dan memahami arahan soalan.
- d) Pelajar mula menjawab soalan PAIt sehingga masa tamat.
- e) Bagi pelajar yang berkeperluan khas semasa PAIt, pelajar perlu mengemukakan permohonan secara bertulis untuk dipertimbangkan oleh Pengarah.
- f) Pelajar memuat naik skrip jawapan ke dalam platform yang disediakan.


Peranan Pensyarah Kursus :

- a) Pensyarah Kursus perlu berada dalam **MOD BERSEDIA** bagi memastikan pelaksanaan PAIt berjalan dengan lancar.
- b) Pensyarah Kursus perlu mengisi kehadiran pelajar menggunakan format yang telah disediakan (i-exam).
- c) Sekiranya ada pelajar yang tidak hadir atas alasan munasabah, pelajar boleh membuat permohonan menduduki PAIt khas melalui penasihat akademik.

### 3. Selepas PAIt

**30 minit selepas PAIt tamat:**

- a) Pensyarah Kursus memuat turun Borang Akuan Pelajar sebagai bukti rekod kehadiran pelajar.
- b) Pensyarah Kursus membuat semakan bilangan skrip jawapan pelajar yang dihantar.
- c) Proses moderasi dilaksanakan dengan merujuk kepada Garis Panduan Moderasi Skrip Jawapan Politeknik, Pindaan 2013. (Rujuk Carta Alir Pelaksanaan Proses Moderasi) Lampiran 6 dan 7.




Rajah 6.1 : Carta Alir Proses Pelaksanaan PAIt

## 7.0 PEMARKAHAN PENILAIAN ALTERNATIF (PAIt)

- i. Markah bagi PAIt pelajar adalah markah yang menggantikan komponen Peperiksaan Akhir / Penilaian Akhir dan membawa nilai mata dan gred kepada pelajar.
- ii. Agihan pemberat Penilaian Kerja Kursus (PKK) : Penilaian Alternatif (PAIt) ditetapkan kepada 80% : 20%.
- iii. Pemarkahan PAIt adalah seperti berikut:
  - a) Soalan 1 (25 markah)
  - b) Soalan 2 (25 markah)
- iv. Kaedah untuk memasukkan markah ke dalam Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik (SPMP) adalah seperti berikut:

### 7.1 Kaedah Pengisian Markah PAIt

#### Langkah 1: Log in SPMP, pilih i-Exam



Rajah 7.1 (a) : Paparan SPMP, iEXAM

**Langkah 2: Klik Daftar Markah CLO/PLO ikut MQA**

Sesi Semasa : DISEMBER 2020 || DIS2020

<p><b>Pautan Utama</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Utama SPMP</li> <li>Info Terkini iExam</li> </ul> <p><b>Manual Pengguna</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Manual iExam</li> </ul> <p><b>Semakan BM Kredit</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Semakan Data Pelajar Ikut PA</li> </ul> <p><b>Kemaskini MUET (Calon Ijazah)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Daftar   Kemaskini Data MUET</li> </ul> <p><b>Daftar Penilaian PA/PB</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><b>Daftar Markah CLO/PLO ikut MQA</b></li> </ul>	<p><b>Utiliti</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Setkan Sesi Semasa</li> <li>Semakan Kod Kursus Gagal (C1/C2/GB)</li> <li>Daftar Pelajar Di bawah Pensyarah</li> </ul> <p><b>Analisis PLO</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pamer dan Cetak PLO Ikut Kelas</li> <li>Pamer dan Cetak PLO Ikut Pelajar</li> <li>Pamer dan Cetak CORR Ikut Kursus</li> <li>Pamer dan Cetak CORR Ikut Kursus/Panatia</li> </ul> <p><b>Tatacara Daftar CLO/PLO</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Tatacara Pelaksanaan MQA (CLO dan PLO)</li> <li>Diagram Pelaksanaan MQA (CLO dan PLO)</li> </ul>
---	--

Rajah 7.1 (b) : Paparan iEXAM, Daftar Markah CLO/PLO ikut MQA

**Langkah 3: Klik Daftar Jenis Penilaian (Final Exam)**

Utama PB	Daftar Pelajar Dibawah Pensyarah Kursus	<del>Daftar CLO</del>	<del>Daftar PLO</del>
MODUL LAMA	Daftar Jenis Penilaian	Daftar Markah	Pamer Markah Untuk Semakan Pelajar
MODUL BARU	Daftar Hubungan PLO dan CLO (Individu)	Domain Taksonomi Bloom	Rujukan Politeknik
CLO (CA):	Daftar Jenis Penilaian (Continuous Assessment)	Daftar CLO ikut soalan dan penilaian	Daftar Markah (Kumpulan)
	Pamer Markah Untuk Semakan Pelajar	Pamer PB (ISOUPEP)	Daftar Markah (Individu)
	Salin Markah PB ke Rekod Daftar Markah PMPB (Modul Baharu)	Pamer PB_CLO	Pamer Graf CORR CLO
	Pamer Graf CORR Grade <i>Kohot Baru</i>	Pamer Graf CORR Grade <i>Kohot Lama</i>	Pamer Graf PLO/GSA
	Pamer Graf CAFA	Cetak Analisa CORR <i>Kohot Lama</i>	Cetak Analisa CORR <i>Kohot Baru</i>
	Analisa Pencapaian Penilaian Akhir <i>Kohot Baru</i>	Analisa Pencapaian Penilaian Akhir <i>Kohot Lama</i>	Kemaskini Rekod CA
	ANATIA: Cetak Analisa CORR Semua Program <i>Kohot Lama</i>	Cetak Analisa CORR Semua Program <i>Kohot Baru</i>	
CLO (FE):	<b>Daftar Jenis Penilaian (Final Exam)</b>	Daftar CLO ikut soalan dan penilaian	Daftar Markah (Kumpulan)
	<b>Daftar Markah Individu (Final Exam)</b>	Daftar Markah (Individu Keseluruhan)	Daftar Markah (Individu)
	Cetak Borang Markah Nam Peperiksaan Akhir	Pamer PA_CLO	Salin Markah PA ke Rekod Daftar Markah PA/PB (Modul Baharu)
	Kemaskini Rekod FE		
PA/PB	Daftar Markah PA dan PB	Cetak Borang Markah PA dan PB	

Menu Utama | Sila Pilih Arahkan Berikut :

Rajah 7.1 (c) : Paparan iEXAM, Daftar Jenis Penilaian (Final Exam)

**Langkah 3a: Daftar Jenis Penilaian *Subjective* (Struktur)**

Berikut adalah jumlah yang perlu dinyatakan bagi setiap penilaian yang akan dibuat. Sebagai contoh sekiranya luar/bandar pada awalnya berhadapan untuk melaksanakan Ujian sebanyak 10 kali dalam satu semester, namun kemudian hendaklah menyatakan dalam masa-jumlah di bawah dan raihkan nilai 3 dalam setiap Ujian. Jika ada sebarang pertambahan atau jenis penilaian tidak dinyatakan, sila maklumkan kepada admin atau emailkan ke [acmasup2012@gmail.com](mailto:acmasup2012@gmail.com)

**Kaedah krayan bagi modul ini ialah PB=50 dan PA=50 seperti mana tercaat di dalam kurikulum. Waubagaimanapun, markah keseluruhan bagi yang melibatkan Peperiksaan Akhir adalah 100%. Harap maklum.**

Sila Nyatakan Jumlah Penilaian Berikut:  
 Merujuk Kepada Bilangan CLD

Sila Nyatakan Peratus Penilaian Berikut:

Jumlah Essay	0	Peratus Keseluruhan Essay	0.0	%
Jumlah Objective	0	Peratus Keseluruhan Objective	0.0	%
Jumlah Subjective	?	Peratus Keseluruhan Subjective	100.0	%
<input type="button" value="Simpan/Kemaskini"/>		Jumlah Peratus Keseluruhan Markah Maksimum PA ialah 100%	100.0	% / 100%
		<input type="button" value="Simpan/Kemaskini"/>		

Perhatikan Setiap Penilaian ( Bil. Soalan adalah ditentukan oleh Pensyarah yang mengajar bagi tujuan penghasilan CLO/PLU)  
 Modul Baru: Bil. SOALAN adalah merujuk kepada bilangan CLO dalam setiap penilaian.  
 Contoh: Jika terdapat 40 soalan Objektif tetapi hanya melibatkan 2 CLO, masukkan "2" dalam ruangan "Bil. Soalan".  
 Peratus: Peratus adalah bergantung kepada penilaian yang dilaksanakan oleh pensyarah.

Modul Lama: Sila ABAIKAN Bil. Soalan. Sila berikan Peratus sahaja.

Peperiksaan ESSAY

Jenis Penilaian	Peratus	Bil. Soalan
ESSAY 1	50.0 %	1
ESSAY 2	50.0 %	1

Sebarang masalah atau pertanyaan sebarang berkaitan harus dengan pegawai bertugas di bilik yang telah ditetapkan.

**Rajah 7.1 (d) : Paparan iEXAM, Daftar Jenis Penilaian Subjective (Struktur)**

**Langkah 3b: Daftar Jenis Penilaian Essay**

Jumlah markah keseluruhan Peperiksaan Akhir/Alternatif adalah 100%.

Berikut adalah jumlah yang perlu dinyatakan bagi setiap penilaian yang akan dibuat. Sebagai contoh sekiranya luar/bandar pada awalnya berhadapan untuk melaksanakan Ujian sebanyak 10 kali dalam satu semester, namun kemudian hendaklah menyatakan dalam masa-jumlah di bawah dan raihkan nilai 3 dalam setiap Ujian. Jika ada sebarang pertambahan atau jenis penilaian tidak dinyatakan, sila maklumkan kepada admin atau emailkan ke [acmasup2012@gmail.com](mailto:acmasup2012@gmail.com)

**Kaedah krayan bagi modul ini ialah FB=50 dan PA=50 seperti mana tercaat di dalam kurikulum. Waubagaimanapun, markah keseluruhan bagi yang melibatkan Peperiksaan Akhir adalah 100%. Harap maklum.**

Sila Nyatakan Jumlah Penilaian Berikut:  
 Merujuk Kepada Bilangan CLD

Sila Nyatakan Peratus Penilaian Berikut:

Jumlah Essay	2	Peratus Keseluruhan Essay	100.0	%
Jumlah Objective	0	Peratus Keseluruhan Objective	0.0	%
Jumlah Subjective	0	Peratus Keseluruhan Subjective	0.0	%
<input type="button" value="Simpan/Kemaskini"/>		Jumlah Peratus Keseluruhan Markah Maksimum PA ialah 100%	100.0	% / 100%
		<input type="button" value="Simpan/Kemaskini"/>		

Perhatikan Setiap Penilaian ( Bil. Soalan adalah ditentukan oleh Pensyarah yang mengajar bagi tujuan penghasilan CLO/PLU)  
 Modul Baru: Bil. SOALAN adalah merujuk kepada bilangan CLO dalam setiap penilaian.  
 Contoh: Jika terdapat 40 soalan Objektif tetapi hanya melibatkan 2 CLO, masukkan "2" dalam ruangan "Bil. Soalan".  
 Peratus: Peratus adalah bergantung kepada penilaian yang dilaksanakan oleh pensyarah.

Modul Lama: Sila ABAIKAN Bil. Soalan. Sila berikan Peratus sahaja.

Peperiksaan ESSAY

Jenis Penilaian	Peratus	Bil. Soalan
ESSAY 1	50.0 %	1
ESSAY 2	50.0 %	1

**Rajah 7.1 (e) : Paparan iEXAM, Daftar Jenis Penilaian Essay**



**Langkah 4: Klik Daftar CLO ikut soalan dan penilaian**

Utama PE	Daftar Pelajar Dibawah Pensyarah Kursus	Daftar CLO	Daftar PLO
MODUL LAMA	Daftar Jenis Penilaian	Daftar Markah	Pamer Markah Untuk Semakan Pelajar
MODUL BARU	Daftar Hubungan PLO dan CLO (Individu)	Domain Taksonomi Bloom	Rubrik Politeknik
CLO (CA)	Daftar Jenis Penilaian (Continuous Assessment)	Daftar CLO ikut soalan dan penilaian	Daftar Markah (Kumpulan)
	Daftar Markah (Individu)	Daftar Markah (Individu)	
	Pamer Markah Untuk Semakan Pelajar	Pamer PB (ISCI/PEP)	
	Salin Markah PE ke Rekod Daftar Markah PA/PE (Modul Baharu)	Pamer PE_CLO	Pamer Graf CORR CLO
	Pamer Graf CORR Grade Kohot Lama	Pamer Graf CORR Grade Kohot Baru	Pamer CLO/PLO/GSA Kohot Lama
	Pamer Graf PLO/GSA	Pamer Graf PLO/GSA	Pamer Graf CAFA
	Cetak Analisa CORR Kohot Lama	Cetak Analisa CORR Kohot Baru	Analisa Pencapaian Penilaian Akhir Kohot Baru
	Analisa Pencapaian Penilaian Akhir Kohot Lama	Kemaskini Rekod CA	
	PANATIA: Cetak Analisa CORR Semua Program Kohot Lama	Cetak Analisa CORR Semua Program Kohot Baru	
CLO (FE)	Daftar Jenis Penilaian (Final Exam)	Daftar CLO ikut soalan dan penilaian	Daftar Markah (Kumpulan)
	Daftar Markah (Individu Keseluruhan)	Daftar Markah (Individu Keseluruhan)	
	Daftar Markah (Individu ikut Penilaian)	Pamer PE_CLO	Salin Markah ke Rekod Daftar Markah PA/PE (Modul Baharu)
	Cetak Borang Markah Item Peperiksaan Akhir	Kemaskini Rekod FE	
PA/PB	Daftar Markah PA dan PB	Cetak Borang Markah PA dan PE	

Markah Penilaian Akhir | Sila Masukkan Markah Mengikut Jenis Penilaian :

**Rajah 7.1 (f) : Paparan iEXAM, Daftar CLO ikut soalan dan penilaian**

**Langkah 4a: Daftar CLO**

Markah Penilaian Akhir | Sila Masukkan Markah Mengikut Jenis Penilaian :

Sila Pilih Format Penilaian :

ESSAY

Sila Klik Penilaian Dibawah Untuk Memasukkan Markah.

1. ESSAY 1 50.0 % Kod Kursus : DCC30103
2. ESSAY 2 50.0 % Kod Kursus : DCC30103

Penentuan CLO mengikut soalan ESSAY (50.0%) yang telah dinyatakan sebanyak 1 soalan

\*\* Sila Setkan CLO Bagi ESSAY bagi sesi JUN2020. Jumlah keseluruhan ialah sebanyak 50.0 peratus.

Maklumat Untuk pencarian: sila rujuk Sukatan Kurikulum (SKK) bagi modul DCC30103 dalam SKK (DCC30103) yang dinyatakan. Harap maklum

BIL	NO. SOALAN	CLO	JUM. MARKAH	PADAM
1	Soalan 1	CLO1C	50.0	Markah Padam Rekod
Jumlah Keseluruhan Markah Bagi ESSAY:			50.0 / 50.0	

Simpan/Kemaskini

**Rajah 7.1 (g) : Paparan iEXAM, Daftar CLO**

**Langkah 5: Daftar Markah (Kumpulan)**

The screenshot displays the iEXAM interface for 'Daftar Markah (Kumpulan)'. At the top, there are navigation tabs for 'Utama PB', 'Daftar Pelajar Di bawah Pensyarah Kursus', and 'Daftar-CLO'. Below this is a menu of assessment types including 'MODUL LAMA', 'MODUL BARU', 'CLO (CA)', 'CLO (FE)', and 'PA/PB'. The 'CLO (FE)' section is expanded, showing various assessment options. A red box highlights 'Daftar Markah (Kumpulan)'. Below the menu, there is a section for 'Markah Penilaian Ujian' and a 'Sila Pilih Format Penilaian' dropdown set to 'LSSAY'. A table below shows student marks for three students (DATIA, DATIA, DATIA) across two questions (SOALAN 1 and SOALAN 2) and a total score (JUMLAH FSY).

NO.	KELAS	NO. PEND.	NAMA PELAJAR	SOALAN 1 CLO (C)	SOALAN 2 CLO (C)	JUMLAH FSY	PADAM REKOD
1.	DATIA	14-DAT20CP2008	MUHIRAH YUMIE BINTI WAHIDAR				Fadom
2.	DATIA	14-DAT20CP2008	MURRAHWANI BINTI KARMAN				Fadom
3.	DATIA	14-DAT20CP2008	MURRAHWANI BINTI KARMAN				Fadom

**Rajah 7.1 (h) : Paparan iEXAM, Daftar Markah (Kumpulan)**

**Langkah 6: Klik Pamer PA\_CLO**

This screenshot shows the same iEXAM interface as in the previous screenshot, but with the 'Pamer PA\_CLO' option highlighted in a red box under the 'CLO (FE)' section. The rest of the interface, including the navigation tabs and the table below, remains the same.

**Rajah 7.1 (i): Paparan iEXAM, Pamer PA\_CLO**

**Langkah 6a: Contoh Paparan Markah PA CLO**

**Rajah 7.1 (j): Paparan iEXAM, Contoh Paparan Markah PA\_CLO**

**Langkah 7: Klik Salin Markah PA ke Rekod Daftar Markah PA dan PB (Modul Baharu)**

Utama PE	Daftar Pelajar Di bawah Pensyarah Kursus   Daftar CLO   Daftar PLO
MODUL LAMA	Daftar Jenis Penilaian   Daftar Markah   Pamer Markah Untuk Semakan Pelajar   Pamer PB (CLO/PE/PB)   Salin Markah PB (Modul Lama)
MODUL BARU	Daftar Hubungan/ait PLO dan CLO (Individu)   Domain Taksonomi Bloom   Rubrik Politeknik
CLO (CA)	Daftar Jenis Penilaian (Continuous Assessment)   Daftar CLO ikut soalan dan penilaian   Daftar Markah (Kumpulan)   Daftar Markah (Individu)   Pamer Markah Untuk Semakan Pelajar   Pamer PB (CLO/PE/PB)   Salin Markah PE ke Rekod Daftar Markah PA/PE (Modul Baharu)   Pamer PE_CLO   Pamer Graf CORR CLO   Pamer Graf CORR Grade Kohot Lama   Pamer Graf CORR Grade Kohot Baru   Pamer CLO/PLO/GSA Kohot Baru   Pamer CLO/PLO/GSA Kohot Lama   Pamer Graf PLO/GSA   Pamer Graf CAFA   Cetak Analisa CORR Kohot Lama   Cetak Analisa CORR Kohot Baru   Analisa Pencapaian Penilaian Akhir Kohot Baru   Analisa Pencapaian Penilaian Akhir Kohot Lama   Kemaskini Rekod CA
CLO (FE)	PANATIA: <<< Cetak Analisa CORR Semua Program Kohot Lama   Cetak Analisa CORR Semua Program Kohot Baru   Daftar Jenis Penilaian (Final Exam)   Daftar CLO ikut soalan dan penilaian   Daftar Markah (Kumpulan)   Daftar Markah (Individu Keseluruhan)   Daftar Markah (Individu Ikut Penilaian)   Pamer PA_CLO   Salin Markah PA ke Rekod Daftar Markah PA/PB (Modul Baharu)   Kemaskini Rekod FE   Cetak Borang Markah Item Peperiksaan Akhir
PA/PB	Daftar Markah PA dan PB   Cetak Borang Markah PA dan PB
Markah Penilaian Akhir   Sila Masukkan Markah Mengikut Jenis Penilaian :	

**Rajah 7.1 (k) : Paparan iEXAM, Salin Markah PA ke Rekod Daftar Markah PA dan PB (Modul Baharu)**


## 8.0 KAEDAH PENYIMPANAN DOKUMEN PENILAIAN ALTERNATIF (PAIt)

### 8.1 JENIS DOKUMEN

- i. Semua dokumen berkaitan Penilaian Alternatif (PAIt) perlu direkodkan dan di simpan mengikut tatacara yang terdapat dalam prosedur:
  - a) Proses Kerja PMM (O)-PdP-01 - Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran.
  - b) Proses Kerja PMM (O)-PEP-01 - Pengurusan Peperiksaan dan Penilaian.
- ii. Dokumen-dokumen tersebut adalah:
  - a) Borang Akuan Pelajar yang telah lengkap ditandatangani.
  - b) Borang Moderasi Peraturan Pemarkahan bersama **TIGA (3)** sampel skrip jawapan pelajar.
  - c) Borang Penyelarasan skrip jawapan bersama **TIGA (3)** sampel skrip jawapan pelajar (**1 Tinggi, 1 Sederhana dan 1 Rendah**).
  - d) Rekod kehadiran PAIt.
  - e) Borang Laporan Kes Meniru (sekiranya ada).

### 8.2 KAEDAH PENYIMPANAN DOKUMEN

- i. Dokumen PAIt perlu dimuatnaik ke platform *One Drive* Unit Peperiksaan, PMM oleh pensyarah kursus.
- ii. Platform *One Drive* ini akan diselaras, dikemaskini dan dikawal selia oleh Unit Peperiksaan, PMM.
- iii. Dokumen PAIt (Borang Laporan Kes Meniru) perlu dimuatnaik ke platform *One Drive* Unit Peperiksaan, PMM dengan kadar **SEGERA** selepas PAIt bagi kursus tersebut tamat.
- iv. Dokumen PAIt (Dokumen 1, 2, 3 dan 4) perlu dimuatnaik ke platform *One Drive* Unit Peperiksaan, PMM dalam tempoh **DUA (2) minggu** selepas PAIt berlangsung.



Rajah 8.1: Carta Alir Proses Penyimpanan Dokumen PAIt

## 9.0 PENUTUP

Dalam menangani dan mendepani pandemik COVID-19, ia merupakan cabaran dan norma baharu bagi PMM dalam usaha untuk memastikan proses penilaian dapat dilaksanakan. Justeru, adalah diharapkan agar garis panduan ini dapat membantu semua pihak terutamanya kepada pensyarah bukan sahaja pada situasi terkini, malah menjadi panduan sekiranya situasi yang sama berulang menyebabkan penilaian secara bersemuka tidak dapat dilaksanakan. Garis Panduan Pengurusan Penilaian Alternatif (G3PAIt) ini diharap dapat membantu pengurusan dan proses Penilaian Alternatif di PMM berjalan dengan lancar dan berkesan.



### SYARAT DAN ARAHAN-ARAHAN AM PENILAIAN ALTERNATIF

1. Pelajar hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut sebelum layak menduduki PAIt:-
  - a. telah mendaftar kursus berkenaan
  - b. telah menghadiri 80% atau lebih kuliah/tutorial/amali bagi jangkamasa yang ditetapkan
  
2. Semua calon hendaklah mematuhi arahan-arahan berikut:
  - a. Calon dikehendaki hadir untuk menduduki Penilaian Alternatif pada tarikh, masa dan lokasi / platform yang telah ditetapkan
  - b. Calon diminta berada di lokasi / platform pelaksanaan Penilaian Alternatif setengah jam sebelum Penilaian Alternatif dimulakan
  - c. Calon dikehendaki mengisi maklumat di Borang Akaan Pelajar, memahami dan menurunkan tandatangan pada bahagian yang disediakan
  - d. Calon hendaklah membaca dengan teliti dan mematuhi semua arahan yang tercetak pada muka hadapan soalan Penilaian Alternatif
  - e. Calon hanya boleh mula menjawab apabila diarahkan dan dikehendaki berhenti menjawab apabila diarahkan berbuat demikian;
  - f. Calon dilarang meninggalkan lokasi / platform peperiksaan dalam tempoh tiga puluh (30) minit selepas Penilaian Alternatif bermula
  - g. Pada akhir tempoh Penilaian Alternatif calon hendaklah memastikan bahawa skrip jawapan disusun dengan sempurna mengikut format yang ditetapkan sebelum memuat naik ke dalam platform yang telah ditetapkan oleh pensyarah
  
3. Pelajar tidak dibenarkan melakukan mana-mana penyelewengan akademik seperti memplagiat apa-apa idea, penulisan, data atau ciptaan orang lain.
  
4. Pelajar yang telah dibuktikan melakukan Plagiat akan dimansuhkan penilaian bagi kursus berkenaan dan diberikan Gred F dengan Nilai Mata 0.00. (*Arahan-arahan Peperiksaan dan Kaedah Penilaian (Diploma) Edisi 6, Jun 2019*)

Unit Peperiksaan  
Politeknik Meritmas



### BORANG AKUAN PELAJAR

#### MAKLUMAT

NAMA PELAJAR	
NO. PENDAFTARAN	
NO. KAD PENGENALAN	
PROGRAM PENGAJIAN	
KOD KURSUS	
NAMA KURSUS	
INSTITUSI PENGAJIAN	
NOMBOR TELEFON	
E-MEL	
NAMA PENSYARAH / PENYELIA	

#### PENGESAHAN PELAJAR

Saya memperakui bahawa segala maklumat yang telah didokumentasikan di dalam tugas ini adalah hasil kerja saya sendiri, tiada sebarang unsur-unsur plagiat, melainkan petikan, grafik dan gambar rajah yang dinyatakan sumber rujukannya. Jika ada sebarang persamaan di dalam dokumen ini dan jika saya memalsukan sebarang maklumat yang telah didokumentasikan, saya bersedia untuk menerima apa-apa tindakan yang sewajarnya.

Tandatangan : .....

Nama : .....

Tarikh : .....

UNTUK KEGUNAAN PENSYARAH SAHAJA

Tarikh penerimaan laporan : .....

Laporan diterima oleh : .....

Tandatangan : .....

(Cop Pensyarah)



**BORANG VETTING ITEM PENILAIAN DAN PEPERIKSAAN AKHIR**

KOD KURSUS:

NAMA KURSUS :

PROGRAM :

JABATAN :

<b>SENARAI SEMAK VETING</b>	<b>SEMAKAN ( )</b>
<b>Kata tugas, konteks dan stimulus bersifat jelas (Kebolehfahaman terhadap item dan tidak mengelirukan)</b>	
<b>Akur AST/CAP</b>	
<b>Aras domain taksonomi bersesuaian</b>	
<b>Pembahagian markah pada setiap item bersesuaian</b>	
<b>Item dalam dwi-bahasa</b>	
<b>Markah pada setiap jalan kerja dalam peraturan pemarkahan bersesuaian</b>	
<b>Skema jawapan tepat dan lengkap</b>	

<b>No Item</b>	<b>Komen &amp; Catatan Pembedulan / Penambahbaikan (Item / Peraturan Pemarkahan)</b>	<b>Pembedulan Telah Diperbaiki ( )</b>

<b>NAMA</b>	<b>PENILAI (KP / KJ)</b>	<b>PENGGUBAL</b>	<b>PENYEMAK BAHASA</b>
<b>T/TANGAN</b>			
<b>NAMA</b>			
<b>TARIKH</b>			

**SULIT**

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI  
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

**JABATAN AKADEMIK**

**PENILAIAN ALTERNATIF BERIKUTAN  
PELAKSANAAN PERIKTAH KAWALAN BERSYARAT**

**SESI DISEMBER 2020**

**KOD KURSUS : NAMA KURSUS**

---

<b>NAMA PENYELARAS KURSUS</b>	: ZAIDAH BINTI ABD UMAR
<b>KAEDAH PENILAIAN</b>	: PEPERIKSAAN ONLINE
<b>JENIS PENILAIAN</b>	: SOALAN ESEI ( 2 SOALAN)
<b>TARIKH PENILAIAN</b>	: 28 JUN 2021
<b>TEMPOH PENILAIAN</b>	: 2 JAM

---

**LARANGAN TERHADAP PLAGIARISM (AKTA 174)  
PELAJAR TIDAK BOLEH MEMPLAGIAT APA-APA IDEA,  
PENULISAN, DATA ATAU CIPTAAN ORANG LAIN. PLAGIAT  
ADALAH SALAH SATU PENYELEWENGAN AKADEMIK.  
SEKIRANYA PELAJAR DIBUKTIKAN MELAKUKAN  
PLAGIARISM, PENILAIAN BAGI KURSUS BERKENAAN AKAN  
DIMANSUHKAN DAN DIBERI GRED F DENGAN NILAI MATA 0.  
(RUJUK BUKU ARAHAN-ARAHAN PEPERIKSAAN DAN KAEDAH PENILAIAN  
(Diploma) EDISI 6, JUN 2019, KLAUSA 17.3)**

**SULIT**

**SULIT**



**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI  
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

**JABATAN AKADEMIK**

**PENILAIAN ALTERNATIF BERIKUTAN  
PELAKSANAAN PERIKTAH KAWALAN BERSYARAT**

**SESI DISEMBER 2020**

**KOD KURSUS : NAMA KURSUS**

---

**PERATURAN PERMARKAHAN**


---

**SULIT**


GARIS PANDUAN MODERASI PEMERIKSAAN SKRIP JAWAPAN POLITEKNIK  
(Pindaan 2013)

BAHAGIAN 3 : PELAKSANAAN MODERASI

7.0 CARTA ALIR PELAKSANAAN MODERASI



LAMPIRAN 7





ISBN 978-067-2241-67-5



9 789672 241675